

Silang budaya Jepun-Malaysia

SERAMAI sembilan pelajar dari tujuh universiti di Jepun mengikuti Program Japan East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) selama dua hari pada 23 dan 24 Februari lalu di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Program itu melibatkan kerjasama strategik antara pihak Japan International Cooperation Center (JICE), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), UPM dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Serdang.

Program selama dua hari itu bertujuan beri peluang kepada pelajar UPM dan Jepun bertukar pandangan mengenai amalan dan budaya masing-masing.

Program silang budaya itu membolehkan pelajar UPM dan Jepun meneroka peluang kerjasama dan persefahaman kebudayaan bagi merapatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua buah negara.



■ PELAJAR Jepun yang mengikuti Program JENESYS bergambar dengan pelajar UPM dan ibu bapa angkat di UPM Serdang, Selangor, baru-baru ini.